

Media: Utusan

Date: 2 Oct 2024

Ajinomoto lancar inisiatif gaya hidup dan makanan sihat



Dian HENDIA WINAINDO 2 Oktober 2024, 2:43 pm



PETALING JAYA: Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) melancarkan inisiatif 'Inovasi Masa Depan yang Lebih Lazat dan Sihat' di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang berlangsung pada 11 September hingga 22 September 2024 lalu.

AMB berkata, inisiatif tersebut selari dengan falsafah syarikat itu iaitu 'Eat Well, Live Well' yang bertujuan berkongsi dengan rakyat Malaysia mengenai kepelbagaian identiti di Ajinomoto.

"MAHA 2024 memberi peluang kepada syarikat itu untuk berkongsi dengan rakyat Malaysia bahawa ia bukan sekadar syarikat pengeluar penambah perisa umami iaitu Ajinomoto.

AMB berkata, inisiatif tersebut selari dengan falsafah syarikat itu iaitu 'Eat Well, Live Well' yang bertujuan berkongsi dengan rakyat Malaysia mengenai kepelbagaian identiti di Ajinomoto.

"MAHA 2024 memberi peluang kepada syarikat itu untuk berkongsi dengan rakyat Malaysia bahawa ia bukan sekadar syarikat pengeluar penambah perisa umami iaitu Ajinomoto.

"Sepanjang tahun ini, AMB telah mempelbagaikan pemiagaan dengan menekankan fokus yang kukuh terhadap kelestarian," katanya.

Jelasnya, sejak lebih satu abad lalu, Ajinomoto Co. Inc di Jepun membuat penemuan inovatif dengan mencipta penambah perisa umami Ajinomoto.

"Pada tahun 1961, AMB memulakan operasi pemiagaannya di negara ini secara tidak langsung menjadi salah satu syarikat Jepun terawal ditubuhkan di Malaysia.



"AMB berfungsi sebagai penyedia penyelesaian dalam pemiagaan pemiagaan ke pemiagaan (B2B) yang meliputi sektor industri dan perkhidmatan makanan serta komited terhadap kelestarian makanan dan alam sekitar untuk komuniti," katanya

AMB komited untuk memperluaskan operasi bagi menangani isu kelestarian global demi kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

"Dengan kepakaran unik dan penyelesaian canggih kami, AMB berhasrat untuk terus menyumbang kepada masa depan yang lebih lazat sambil memupuk bumi yang lebih sihat untuk generasi akan datang," katanya. - UTUSAN